

SOKONGAN DAN RANCANGAN

- Menjalankan penilaian risiko, berkaitan dengan keseriusan dan jenis kejadian.
- Tatacara kelakuan hendaklah sentiasa diamalkan dan dipatuhi.
- Untuk sesuatu acara yang memakan masa yang agak lama, adalah diakui bahawa minuman alkohol boleh mempengaruhi keupayaan seseorang untuk menjalankan tanggungjawab kepada acara dan aktiviti Pengakap atau penyertaan mereka dalam aktiviti itu dari masa ke masa. Sebagai contoh, jika seseorang terlalu banyak minum alkohol dan mesti bertugas keesokan hari, mereka adalah dilarang dan tidak sesuai untuk menjalankan tugas mereka atau mengambil bahagian dalam aktiviti pada pagi berikutnya.
- Pengelola hendaklah berhati-hati memastikan orang dewasa yang sesuai ditugaskan bila mereka bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti untuk golongan muda. Pastikan dalam kalangan orang dewasa yang hadir bertugas tidak minum minuman alkohol atau terpengaruh oleh minuman alkohol.

TINDAKAN UNTUK DIAMBIL APABILA SESEORANG DEWASA MELANGGAR PERATURAN INI:

Hubungi –
Semasa Aktiviti/Program/Acara/Latihan berlangsung:
Ketua Aktiviti/ Ketua Program/ Ketua Acara/ Ketua Kursus

Untuk Peringkat Antarabangsa:
Ketua Kem/Sub-Kem/Ketua Aktiviti/Program/ Latihan Negara
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
Pesuruhjaya Antarabangsa PPM
Pesuruhjaya Latihan (bila melibatkan dewasa)
Pesuruhjaya Program Negara (bila melibatkan golongan orang muda)

Untuk Peringkat Kebangsaan:
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara/
Pesuruhjaya Latihan Negara/ Pesuruhjaya Program Negara/ Penolong KPPN (ACC) yang berkenaan.

Untuk Peringkat Negeri:
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri/
Pesuruhjaya Latihan Negeri/ Pesuruhjaya Program Negeri/ ASC berkenaan.

Untuk Peringkat Daerah:
Pesuruhjaya Pengakap Daerah/ Pengerusi Latihan Daerah/ Pengerusi Program Daerah/ ADC berkenaan.

Peringkat Kumpulan:
Pesuruhjaya Daerah/ Penolong Pesuruhjaya Daerah/ Guru Besar/ Pengetua (Kuasa Penganjur)/ Pemimpin Kumpulan.



KAD JINGGA/OREN

**KESELAMATAN PENGAKAP
PERLINDUNGAN PENGAKAP
KOD AMALAN**

PENGAKAP DAN ALKOHOL

**Kad Jingga atau Oren
menetapkan dasar PPM
mengenai kegunaan alkohol
untuk semua orang dewasa
yang terlibat dalam
Pengakap**

PENGAKAP DAN ALKOHOL

Minum minuman alkohol boleh dan akan menyebabkan orang dewasa dalam kedudukan yang berkompromi mengenai tanggungjawab mereka untuk melindungi dan menjalankan kewajipan serta tanggungjawab kepada jagaan mereka.

Sebagai orang dewasa dalam Persekutuan Pengakap Malaysia, anda adalah suri teladan kepada golongan muda. Apabila orang dewasa bertanggungjawab kepada golongan kanak-kanak, muda dan remaja, mereka tidak dibenarkan minum minuman alkohol.

MINUMAN ALKOHOL ADALAH DILARANG SAMA SEKALI APABILA MENGELOLA, MENGIKUT, MENJALANKAN DAN MELAKSANAKAN TUGAS SEMASA PERJUMPAAN, AKTIVITI, PROGRAM, ACARA ATAU LATIHAN PENGAKAP DIJALANKAN.



PERATURAN MASA AKTIVITI, PROGRAM, LATIHAN DAN ACARA PENGAKAP BERJALAN:

Semasa acara, aktiviti atau Latihan Pengakap yang dihadiri oleh golongan kanak-kanak, muda, atau remaja di bawah umur 18 tahun, peraturan berikut harus dipatuhi:

- Bawah 18 tahun tidak dibenarkan minum minuman alkohol dalam apa jua keadaan.
- Mesti ada nisbah jumlah yang betul orang dewasa yang bertanggungjawab untuk orang muda pada setiap masa.
- Jika anda bertanggungjawab kepada golongan orang muda, anda tidak boleh dan tidak dibenarkan minum minuman alkohol.
- Jika anda tidak bertanggungjawab secara langsung untuk golongan muda dan anda minum minuman alkohol, anda masih perlu mengikut panduan Kad Hijau (kod amalan perlindungan orang muda PPM).
- Jika anda minum semasa 'tidak bertugas', anda harus mempertimbangkan secara mendalam bagaimana alkohol boleh menjejaskan keupayaan anda untuk menjalankan tugas dalam aktiviti, acara dan Latihan Pengakap, dan juga kesannya apabila anda kembali bertugas keesokan hari

ORANG MUDA MESTI TAHU SIAPA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP MEREKA PADA SETIAP MASA.

SOKONGAN DAN RANCANGAN

- Setiap Aktiviti, Program, Acara atau Latihan MESTI bebas alkohol.
- Pertimbangkan wajar harus kepada pematuhan budaya dan agama atau keperluan mereka yang mengambil bahagian dalam acara tersebut.
- Ahli-ahli Pengakap Kelana atau penyokong aktif Pengakap mesti memahami dan patuh kepada polisi Selamat Dari Bahaya. Peraturan bebas dari alkohol adalah untuk semua golongan dewasa dalam PPM.
- Membantu golongan muda remaja dan orang dewasa memahami isu-isu yang berkaitan dengan alkohol dan bagaimana untuk mencari serta menyebarkan maklumat dan nasihat yang positif dan larangan menggunakan alkohol ini adalah tanggungjawab semua.

JIKA ANDA RAGU-RAGU TENTANG APA YANG PERLU DILAKUKAN, HUBUNGI:

Ibu Pejabat PPM - termasuk pemberitahuan insiden, insiden kritikal siapa yang bertugas dan melaporkan kepada Pegawai Meja yang bertugas

di talian: +603-2022 1029

+603-2072 0152

di E-mel: pengakap@scouts.my

DASAR KAMI

Menyediakan Ahli Pengakap menyertai program, aktiviti dan Latihan dengan cara yang selamat tanpa risiko kepada kesihatan serta kesejahteraan mereka setakat yang munasabah dan boleh dipraktikkan bersama.